

Ahli UMNO perlu jadi golongan paling berpengaruh

UM - 5/6/2006

KEPALA BATAS 4 Jun - Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu ahli parti itu menjadi golongan paling berpengaruh dalam masyarakat bagi menggerakkan reformasi pembangunan yang lebih pesat di kawasan masing-masing.

Katanya, setiap ahli UMNO perlu menjadi contoh teladan dalam usaha membawa perubahan dan menjayakan misi agenda nasional termasuk Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) dan Wawasan 2020.

Beliau berkata, ia dapat dilaksanakan dengan cara memastikan mereka sentiasa memberi komitmen padu terhadap usaha memperkasakan modal insan dan peningkatan penguasaan ilmu untuk membawa keluar masyarakat daripada kejumudan.

"Semua ahli UMNO harus menggunakan apa-apa yang ada pada diri untuk menjayakan misi nasional dan pembangunan negara," katanya.

Beliau yang juga Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian serentak persidangan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Kepala Batas di sini hari ini.

Ketiga-tiga sayap UMNO bahagian itu akan mengadakan mesyuarat mereka bermula 1 Jun hingga 16 Jun.

Abdullah yang juga Ketua UMNO Bahagian Kepala

Batas berkata, ahli UMNO perlu mengambil berat dan prihatin terhadap usaha memajukan pendidikan bagi melahirkan masyarakat berilmu yang dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

"Mereka yang tidak berilmu, tidak melaksanakan tuntutan Islam akan sukar mengenal nikmat Allah, (sebaliknya) akan hidup dalam sengsara, miskin, dipandang hina dan tidak dihormati," katanya.

Oleh itu, kata beliau, ahli UMNO perlu terlibat dalam usaha memperkasakan bidang pendidikan di kalangan masyarakat seperti memajukan kelas taman bimbingan kanak-kanak (tabika) Kemas hingga kepada memainkan peranan dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Abdullah berkata, dalam sejarah kemajuan negara, UMNO terbukti berjaya mencetus dan membawa perubahan besar kepada orang Melayu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan bahawa tugas tersebut perlu diteruskan kerana perjuangan parti belum selesai untuk membawa orang Melayu mencapai kejayaan lebih besar.

"Dalam melaksanakan misi ini, ahli UMNO jangan ambil jalan mudah untuk senang kerana tiada orang boleh senang atau kaya dengan jalan pintas dan kalau ada pun mereka adalah kes terpencil yang tidak boleh dijadikan contoh dalam masyarakat," katanya.